

Operasi Daulat: Pertempuran di Lahad Datu



Pengenalan Lahad Datu

Bandar Lahad Datu, merupakan sebuah daerah yang terletak di negeri Sabah. Bandar ini merupakan bandar keempat terbesar di negeri tersebut selepas daerah Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau.

Bandar ini terkenal dengan keindahan alam semulajadinya, sebagai contoh, bandar ini mempunyai kawasan hutan hujan tropika yang agak luas, berbanding di negeri-negeri lain. Selain itu, bandar ini juga memiliki potensi besar dalam sektor perikanan, pertanian dan perhutanan.

Pengenalan Pertempuran di Lahad Datu

Peristiwa Lahad Datu meninggalkan sejarah hitam buat Malaysia apabila ramai perwira negara gugur mempertahankan kedaulatan negara daripada dicerobohi pengganas Sulu pada 2013.

Tragedi pencerobohan itu dikaitkan dengan insiden diplomatik yang berlaku antara Malaysia dan Filipina sejurus selepas 235 pengganas Filipina yang sebahagiannya bersenjata mendarat di Kampung Tanduo di Lahad Datu, Sabah pada 11 Februari 2013.



11 Februari 2013

Kehadiran sebahagian pengganas itu dikesan sekumpulan nelayan tempatan pada 11 Februari 2013 dan nelayan tersebut membuat laporan polis mengenai lebih 100 lelaki berpakaian ala tentera dan bersenjata api berkampung di Kampung Tandou.

Pada keesokan hari, kumpulan itu dikenal pasti berpecah di beberapa lokasi iaitu di kawasan sungai bakau kampung itu, sebuah surau di kampung itu dan rumah Ahmad Malandi atau dikenali Mad Bon.

14 Februari 2013

Pada 14 Februari 2013, Perdana Menteri ketika itu, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kerajaan Malaysia akan melakukan yang terbaik termasuk melalui perundingan bagi menangani isu pencerobohan tersebut sebelum mengusir mereka keluar dari kawasan itu. Ketua Polis Negara ketika itu pula, Tan Sri Ismail Omar menegaskan bahawa polis mengenal pasti kumpulan warga Filipina yang mendarat di pesisir pantai Lahad Datu, Sabah sebagai pewaris berketurunan 'Raja Sulu' dari selatan Filipina.

Tan Sri Ismail Omar berkata, kumpulan terbabit menuntut mereka dikenali sebagai Askar Diraja Kesultanan Sulu dan mereka tidak mahu rakyatnya berketurunan Sulu dihantar pulang ke negara asal. Beliau juga berkata, rundingan dengan pihak bersenjata masih dijalankan bagi mencari jalan penyelesaian yang terbaik tanpa melibatkan pertumpahan darah.





16 Februari 2013

Pada 16 Februari 2013, Menteri Dalam Negeri waktu itu, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, kumpulan itu menuntut Sabah dikembalikan ke wilayah kesultanan Sulu, kerana ia diambil British di bawah kerajaan Sulu.

24 Februari 2013

Kerajaan Filipina pada 24 Februari 2013 kemudian menghantar sebuah kapal dalam misi kemanusiaan untuk membawa pulang kumpulan 180 anggota termasuk 30 pengawal bersenjata yang bertahan di Lahad Datu, Sabah sejak 12 Februari 2013.





26 Februari 2013

Pada 26 Februari 2013, tempoh pengusiran mereka tamat namun rundingan masih dijalankan terhadap kumpulan penceroboh itu dan selang dua hari kemudian kerajaan Malaysia digesa mengadakan rundingan secara terus dengan Sultan Jamalul Kiram III di Manila untuk menamatkan konflik perebutan kawasan di Lahad Datu, Sabah yang berlanjutan selama lebih tiga minggu.

Gesaan tersebut disuarakan adik bongsu Jamalul, Agbimuddin Kiram yang menegaskan hanya abangnya boleh mengarahkan kira-kira 180 'tentera diraja' meninggalkan Felda Sahabat 17, Lahad Datu.

1 Mac 2013

Tarikh 1 Mac 2013 menjadi detik hitam dalam sejarah negara apabila lapan wira tanah air gugur mempertahankan kedaulatan negara di Kampung Tanduo, Lahad Datu, Sabah. Kejadian itu menyaksikan dua anggota polis 69 Komando, Asisten Superintendan Zulkifli Mamat dan Sarjan Sabaruddin Daud terbunuh manakala, tiga yang lain cedera ditembak.

Bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Ismail Omar berkata, peristiwa itu dapat membuka mata terutama generasi muda bahawa keamanan yang diperolehi negara perlu dibayar dengan pengorbanan.



7 Mac 2013

Susulan itu pada 7 Mac 2013, Jamalul Kiram III mengumumkan gencatan senjata pihak Kesultanan Sulu, menurut jurucakapnya, Abraham Idjirani.

Bagaimanapun, Datuk Seri Najib Tun Razak yang melawat Lahad Datu menolak gesaan gencatan senjata dan mahu pengganas itu meletakkan senjata tanpa syarat serta serah diri selain beliau mengumumkan pembentukan sebuah kawasan keselamatan khas yang meliputi wilayah pantai timur Sabah dari Kudat ke Tawau merangkumi Sandakan, Semporna dan Lahad Datu.

Tan Sri Ismail Omar pula berkata, seramai 52 orang pengganas Sulu termasuk ketua kumpulan itu yang berpangkat 'jeneral' terbunuh dalam Op Daulat.



8 Mac 2013

Pada 8 Mac 2013, Tan Sri Ismail Omar mendedahkan lebih 50 individu yang disyaki mempunyai kaitan dengan penceroboh militan di Lahad Datu ditahan mengikut Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012.

Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM) ditubuhkan susulan Op Daulat yang dilancarkan bersama pasukan keselamatan negara.





21 Mac 2013

Op Daulat turut menyaksikan penangkapan beberapa individu yang didapati bersekongkol dengan kumpulan pengganas terbabit selain anggota militan itu sendiri yang keluar daripada persembunyian selepas digempur.

Pada 21 Mac 2013, lapan rakyat Filipina dihadapkan ke mahkamah dan berdepan hukuman mati serta penjara seumur hidup atas tuduhan melancarkan perang ke atas Yang di-Pertuan Agong dan menganggotai kumpulan pengganas.

23 Mac 2013

Pada 23 Mac 2013, pasukan keselamatan negara menangkap dua individu penting dalam insiden di Lahad Datu dalam dua tangkapan berasingan. Mereka adalah seorang rakyat tempatan yang selama ini membekalkan makanan, minuman, ubat-ubatan, pengangkutan dan tempat tinggal untuk kumpulan Sulu serta seorang pemerintah tentera pengganas Filipina.





10 April 2013

Pencerobohan itu mengakibatkan 12 perwira negara terbunuh dan menyebabkan kematian 56 pengganas dan enam orang awam. Konflik itu diisytiharkan tamat pada 10 April 2013.

Ekoran itu peristiwa berdarah itu, seramai 416 individu ditahan termasuk 110 orang disiasat di bawah Akta Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) (SOSMA) 2012.

8 Jun 2018

Pada 8 Jun 2018, Mahkamah Persekutuan mengekalkan hukuman mati ke atas sembilan warga Filipina yang terlibat dengan pencerobohan bersenjata Lahad Datu berkenaan.



Kesan dan Implikasi

Keselamatan

Lahad Datu dan kawasan sekitarnya diletakkan di bawah kawalan ketat pasukan keselamatan bagi mengelakkan kejadian serupa berulang. Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM) ditubuhkan bagi meningkatkan keselamatan di pantai timur Sabah.

Hubungan Malaysia-Filipina

Krisis ini mencetuskan ketegangan diplomatik antara Malaysia dan Filipina, walaupun kerajaan Filipina menegaskan bahawa mereka tidak menyokong tindakan penceroboh.

Kesedaran Keselamatan

Insiden ini menyedarkan Malaysia tentang keperluan memperkukuh pertahanan di kawasan sempadan maritim yang luas dan mencabar.



Kepentingan Pertempuran di Lahad Datu

Memperkukuh Keselamatan Negara

- Peningkatan kawalan di Pantai Timur Sabah.
- Peningkatan infrastruktur keselamatan.

Kedaulatan Negara yang Tidak Boleh Dipertikaikan

- Menunjukkan ketegasan Malaysia.
- Menegaskan hak Malaysia ke atas Sabah.

Kesedaran Nasional dan Patriotisme

- Memupuk semangat patriotisme.
- Penghormatan kepada wira negara.

Pelajaran dalam Strategi Pertahanan dan Keselamatan

- Hubungan Malaysia-Filipina.
- Peningkatan latihan dan operasi keselamatan.

Implikasi Diplomatik dan Hubungan Serantau

- Peningkatan kesiapsiagaan angkatan keselamatan.
- Kerjasama ASEAN dalam isu keselamatan.

Kesimpulan

Kesimpulannya krisis pencerobohan ini jelas menunjukkan bahawa dalam konteks keselamatan nasional di Malaysia sejak negara mencapai kemerdekaan, ancaman yang ditimbulkan oleh pengganas Sulu ini merupakan elemen penting yang memainkan peranan dalam isu keselamatan di Malaysia.

Insiden ini sekaligus memberikan gambaran bahawa pendekatan holistik adalah alternatif penting untuk memahami isu dan masalah persoalan keselamatan di negara ini.

Sekaligus menunjukkan bahawa pendekatan ketenteraan semata-mata belum cukup untuk mengurangkan kadar ancaman yang ditimbulkan oleh pengganas seperti yang ditunjukkan dalam insiden Kampung Tanduo ini.

Sumber

- <https://btdm.my/index.php/2022/04/29/op-daulat-insiden-berdarah-lahad-datu/>
- <https://malaysiaaktif.my/2024/08/wira-lahad-datu-yang-ditetak-dan-ditembak-bercerita-tentang-op-daulat/>
- <https://www.sinarharian.com.my/article/102150/berita/nasional/peristiwa-lahad-datu-sejarah-hitam-malaysia>
- <https://btdm.my/index.php/2022/04/29/op-daulat-insiden-berdarah-lahad-datu/>
- <https://m-update.com/2021/03/01/peristiwa-lahad-datu-sejarah-hitam-malaysia/>
- Facebook: Majlis Keselamatan Negara Negeri Sabah



Tamat